



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KOSONG

Majlis Peperiksaan Malaysia ialah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan ingin mempelawa warganegara Malaysia yang berkecenderungan untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:

Bil.	Jawatan	Butiran	Gaji dan Elaun	Syarat Lantikan
1.	Pegawai Peperiksaan Gred DG9 (Kontrak/Tetap)	Kekosongan: 1 Klasifikasi Perkhidmatan: Pendidikan Kumpulan Perkhidmatan: Pengurusan dan Profesional	<u>Gaji (Min – Maks):</u> RM2,250.00 – RM11,110.00 <u>Elaun:</u> ITKA: RM300.00 ITP : RM300.00 BISH: RM300.00	(i) Ijazah Sarjana Muda dengan Pendidikan atau Ijazah Sarjana Muda serta Diploma Pendidikan atau Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan/luar negara atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; dan (ii) Pengkhususan dalam bidang Bahasa Inggeris; dan (iii) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (iv) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang memiliki Ijazah Sarjana Muda dalam bidang <i>Teaching English as a Second Language (TESL)</i> .
2.	Pembantu Pustakawan Gred S1 (Kontrak/Tetap)	Kekosongan: 1 orang Klasifikasi Perkhidmatan: Sosial Kumpulan Perkhidmatan: Pelaksana	<u>Gaji (Min – Maks):</u> RM1,500.00 – RM4,680.00 <u>Elaun:</u> ITKA: RM115.00 ITP : RM300.00 BISH: RM350.00	(i) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Vokasional Malaysia (SVM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan (Gaji permulaan : RM1,500.00) (ii) Calon hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat SPM/SVM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (iii) Keutamaan akan diberikan kepada calon yang mempunyai kemahiran komputer yang baik khususnya dalam aplikasi <i>Microsoft Office (Word, Excel, dan Power Point)</i> dan sistem pengurusan perpustakaan/dokumen digital.

Bil.	Jawatan	Butiran	Gaji dan Elaun	Syarat Lantikan
3.	Personel MySTEP Gred 9	Kekosongan: 1 orang. Umur: Tidak melebihi 35 tahun pada tarikh tutup iklan. Gelaran Tugas: Pegawai Peperiksaan. Fungsi tugas: Bertanggungjawab sebagai Pegawai Peperiksaan dalam subjek Bahasa Melayu. Waktu bekerja: 9 jam sehari termasuk waktu rehat. Kemudahan: Cuti Rehat, Cuti Sakit, Caruman KWSP, dan PERKESO.	<u>Gaji</u> RM2,300.00 (Sebulan) (termasuk KWSP dan PERKESO)	(i) Ijazah sarjana muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya dalam bidang Pengajian Bahasa Melayu atau kelayakan yang setaraf dengannya; dan (ii) Kepujian Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

1. Tarikh tutup permohonan: 21 Ogos 2026

2. Cara Permohonan:

Permohonan hendaklah dibuat dengan mengisi borang secara dalam talian (*online*) di <https://mecea.mpm.edu.my/erecruitment>.

3. Catatan:

- i. Hanya calon yang terpilih sahaja akan dihubungi untuk temu duga.
- ii. Permohonan yang lewat atau tidak mengikut peraturan akan ditolak.
- iii. Permohonan dianggap tidak berjaya sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh **30 hari** dari tarikh iklan ditutup.